



فريديانن قمبراؤونن سونغاي دارن قننابي مالاک  
**Perbadanan Pembangunan  
 Sungai dan Pantai Melaka**  
 Melaka River and Coastal Development Corporation

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (anak kelahiran Melaka) yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun hingga 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi jawatan berikut:-

BIL	NAMA JAWATAN	JUMLAH KEKOSONGAN	STATUS JAWATAN	BAHAGIAN
1.	Pembantu Tadbir	4	Kontrak	Melaka River Cruise
	Juruwang	4		
	Jurumudi	2		
	Pembantu Awam	6		
	Pegawai Khidmat Pelanggan	1		
2.	Juruwang	3		Cruise Sungai Linggi & Paya Lebar
	Jurumudi	1		

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

5. **Imbuhan Tetap /Bantuan:**

- a) Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) : RM115.00
- b) Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) : RM 300.00
- c) Bantuan Sara Hidup (BSH) : RM 300.00

## 6. Syarat Lantikan

- i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - a) Warganegara Malaysia;
  - b) Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Kemahiran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; (Gaji Permulaan ialah pada Gred N1 : RM1,500.00); atau
  - c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N1: RM1,561.00 atau
  - d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00); atau
  - e) Calon hendaklah memiliki sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran pada peringkat Kepujian termasuk Bahasa Melayu (Gred C ke atas) serta empat (4) mata pelajaran lain pada peringkat Lulus termasuk Matematik bagi permohonan jawatan **Juruwang** dalam satu peperiksaan SPM atau gabungan dua peperiksaan SPM, atau memiliki kelayakan SVM dalam bidang berkaitan dengan syarat Bahasa Melayu (Kod 1104) pada peringkat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C).

7. **Deskripsi Tugas:**

<b>BIL</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>DESKRIPSI TUGAS</b>
1	PEMBANTU TADBIR	Bertanggungjawab melaksanakan tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi di samping melaksanakan tugas am lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.
2	JURUWANG	Melaksanakan Proses Penjualan Tiket dan Pengendalian Hasil Kutipan mengikut SOP di samping melaksanakan tugas am lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.
3	JURUMUDI	Bertanggungjawab mengemudi bot pelancongan di setiap penempatan yang ditetapkan dan memastikan keselamatan penumpang di dalam bot di samping melaksanakan tugas am lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.
4	PEMBANTU AWAM	Melaksanakan kerja-kerja pembersihan di Fasa I dan Fasa II. Memastikan persekitaran sungai sentiasa kondusif, di samping melaksanakan tugas am lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.
5	PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN	Bertanggungjawab melayan pelanggan serta membantu pertanyaan pelancong dengan mesra dan profesional. Memastikan proses naik turun bot berjalan lancar di jeti, di samping menjaga keselamatan asas serta keselesaan pengunjung disamping melaksanakan tugas lain yang diarahkan.

8. Calon mestilah mempunyai perwatakan yang menarik, mempunyai daya kesabaran yang tinggi.
9. Tarikh Iklan dikeluarkan : **29hb April 2026 (Rabu)**  
Tarikh Tutup Permohonan : **07hb Mei 2026 (Khamis)**

10. **Peraturan Memohon**

- a) Borang permohonan jawatan boleh didapati di Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka, Dataran Pengkalan Rama, Pengkalan Rama Pantai, 75100 Melaka pada waktu pejabat dari jam 08.30 pagi hingga 05.00 petang.
- b) Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman web di alamat **[www.ppspm.gov.my](http://www.ppspm.gov.my)**
- c) Borang yang telah siap diisi hendaklah dihantar kepada

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
PERBADANAN PEMBANGUNAN SUNGAI DAN PANTAI MELAKA,  
DATARAN PENGKALAN RAMA,  
PENGKALAN RAMA PANTAI  
75100 MELAKA  
(Permohonan Jawatan)**

11. **Peraturan-Peraturan Lain**

- a) Permohonan dianggap tidak berjaya jika tidak dihubungi dalam tempoh 3 bulan
- b) Permohonan hendaklah dimajukan kepada Ketua Jabatan masing-masing jika pemohon sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan.
- c) Permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan akan ditolak